Kosmo (Komuniti) Isnin 22/2/16 (ms 50)

# Ahli kelab T-Rex UMP tawan puncak Gunung Liang

**RIADAH.** Seramai 30 ahli Kelab Rekreasi (T-Rex) Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menawan puncak Gunung Liang yang terletak di Behrang, Perak baru-baru ini.

**Komuniti Kita**

Gambar dan berita yang disiarkan dalam *Komuniti Kita* kini boleh diakses di laman web *www.kosmo.com.my*

Pengarah program yang juga Presiden T-Rex, Muhammad Syarif Al'Azmi, 22, berkata, kesemua ahli kelab berjaya mendaki Gunung Liang Timur dan Barat dengan pendakian yang mengambil masa selama sembilan jam untuk sampai ke puncak.

"Laluan pendakian semakin mencabar apabila semua peserta terpaksa melalui laluan sukar termasuk cerun setinggi 60 hingga 80 darjah dengan laluan berbatu untuk ke puncak. Mereka bermalam di kem yang mempunyai sumber air yang terhad," katanya.

Syarif berharap, program ini dapat mempromosikan nama UMP dalam kalangan penggiat sukan lasak di luar sekali gus menunjukkan bahawa mahasiswa universiti itu tidak hanya memfokuskan aktiviti dalam dewan kuliah bahkan menceburi aktiviti lasak di luar kampus.




**SEBAHAGIAN ahli kelab T-Rex UMP bergambar kenangan setelah berjaya menawan puncak Gunung Liang di Behrang baru-baru ini.**